


"Saya tolong naikkan ramai orang tetapi ada yang menikam belakang saya. Mungkin saya ada tabiat memilih orang yang silap"

"Kerajaan yang baru bukan saja tidak menepati janji, malah membatalkan banyak keputusan yang dibuat ketika pemimpin kerajaan yang baru itu masih dalam kerajaan"

Dr Mahathir Mohamad



Dr Mahathir kritik Pak Lah

Menteri Kabinet, pemimpin Umno anggap serangan keterlaluan, tak wajar

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam melemarkan kritikan paling keras terhadap pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi termasuk menuduh penggantinya itu menikam beliau dari belakang.

Bekas Perdana Menteri itu yang sebelum ini mempertikaikan beberapa keputusan kerajaan termasuk pembatalan projek jambatan menggantikan Tambak Johor, tanpa berselembung menyuarakan kekecewaannya terhadap pentadbiran Abdullah.

Bagaimanapun, kenyataannya mengundang reaksi ramai pemimpin kerajaan yang rata-rata menyifatkan serangan terbaru Dr Mahathir itu

sebagai keterlaluan, tidak wajar serta boleh memporakperandakan keadaan.

Sebilangan Menteri Kabinet dan pemimpin kanan Umno, dalam menolak kritikan bekas Perdana Menteri itu sebagai tidak berasas serta tidak adil, turut bimbang ia boleh menjejaskan kestabilan politik negara dan parti.

"Setiap Perdana Menteri akan melakukan apa yang terbaik mengikut keadaan pada sesuatu ketika. Pada zaman Tun (Dr Mahathir Mohamad) jadi Perdana Menteri, saya percaya beliau juga sudah melakukan apa yang terbaik untuk negara.

"Seperti juga zaman ini, saya percaya Abdullah akan melakukan yang

terbaik juga. Oleh itu, semua pihak perlu beri sokongan yang padu kepada Abdullah sebagai Perdana Menteri," kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di New Delhi.

Ketua Pemuda Umno yang juga Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata dakwaan Dr Mahathir tidak adil kerana Kabinet membuat keputusan secara bersama.

"Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sudah dibentangkan dan saya yakin ia akan berjaya. Jika gagal, orang ramai berhak menilainya apabila pilihan raya, bukan Tun dan bukan sekarang," katanya.

Terdahulu, dalam sidang akhbar di

pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, Dr Mahathir berkata, hatinya terguris apabila didakwa 'menghabiskan semua duit kerajaan dan kerajaan muflis' kerana pembinaan projek mega ketika beliau memimpin negara selama 22 tahun.

Ditanya sama ada Abdullah menikamnya dari belakang, Dr Mahathir berkata: "Luka sedikit seperti mengatakan saya menghabiskan semua duit kerajaan. Setahu saya, kerajaan banyak duit.

"Memilihnya (Abdullah) sebagai pengganti, sebenarnya beliau bukan pilihan pertama kerana berada dalam kedudukan kedua (Naib Presiden Umno) kerana dia tidak memperoleh undi tertinggi, tetapi Najib

(Datuk Seri Najib Razak) tertinggi.

"Saya pilih dia dan sayajangka ada sedikit (perasaan) penghargaan. Tetapi saya diberitahu saya terbabit dalam projek mega dan menghabiskan duit... tiada siapa ada duit sekarang," katanya pada sidang akhbar yang turut dihadiri media asing.

Sidang akhbar itu diadakan bagi memberi taklimat mengenai satu forum keamanan anjuran yayasan berkenaan, tetapi wartawan asing seperti dari AP, AFP dan Reuters mengambil kesempatan mengemukakan pelbagai soalan mengenai hubungan beliau dengan kerajaan sekarang.